

APO-HYDRO TABLET

Hydrochlorothiazide (25mg, 50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Hydro
2. Bagaimana Apo-Hydro berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Hydro
4. Cara menggunakan Apo-Hydro
5. Semasa menggunakan Apo-Hydro
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Hydro
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Apo-Hydro

Hydrochlorothiazide digunakan untuk merawat penahanan cecair (edema) kepada mereka yang mengalami kegagalan jantung kongestif, sirosis hati, atau gangguan buah pinggang, atau edema yang disebabkan oleh mengambil steroid atau estrogen.

Ubat ini juga digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi).

Bagaimana Apo-Hydro berfungsi

Hydrochlorothiazide adalah diuretik thiazide (pil air) yang membantu menghalang penyerapan semula garam yang terlalu banyak dari ginjal yang boleh menyebabkan penahanan cecair.

Sebelum menggunakan Apo-Hydro

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan produk ini jika anda alah kepada hydrochlorothiazide, atau sebarang bahan-bahan dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Hydro jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Hydro jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Apo-Hydro

Sebelum anda mula menggunakan Apo-Hydro, doktor anda perlu tahu jika anda mempunyai sebarang keadaan perubatan lain, contohnya fungsi hati anda terjejas, ketidakseimbangan elektrolit dalam badan atau *gout*.

Anda juga harus memberitahu doktor anda jika anda pernah mengalami alergi atau asma bronkial.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat-ubatan boleh menyebabkan komplikasi apabila diambil bersama-sama dengan Apo-Hydro. Ubat-ubatan ini termasuk steroid atau hormon *adrenocorticotropic* [ACTH] (hypokalaemia / tahap kalium rendah), *thiazide*, *insulin* (memerlukan perubahan dos), diuretik (peningkatan kesan cardiotoxic dan neurotoksik litium).

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Apo-Hydro

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa penyelenggaraan untuk orang dewasa untuk rawatan penahanan cecair (diuresis) adalah 25-100mg sehari bergantung kepada tindak balas pesakit. Dos dewasa biasa untuk tekanan darah tinggi 25-50mg sekali atau dua kali setiap hari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan pengeluaran air kencing yang lebih banyak (diuresis), atau dehidrasi.

Semasa menggunakan Apo-Hydro

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Hydro.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Hydro dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Hydro boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan mungkin termasuk iritasi perut, mual, muntah-muntah, cirit-birit, ruam, demam, lemah, kegelisahan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Hydro

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Botol: Simpan antara 15-30°C. Simpan dalam bekas yang tertutup.

Blister: Simpan antara 15-25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Apo-Hydro 25 mg: Bulat, rata permukaan, berwarna merah jambu muda, salah satu permukaan bergaris dan diukir "APO" atas "25".

Apo-Hydro 50mg: Bulat, berbentuk silinder, rata, pil berwarna merah jambu muda, salah satu permukaan bergaris dan diukir "APO" atas "50".

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Hydrochlorothiazide

- Bahan tidak aktif

Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, starch, magnesium stearate, colloidal silicon dioxide dan sunset yellow aluminum lake 40%.

- Nombor MAL

Apo-Hydro 25mg
MAL19984694AR

Apo-Hydro 50mg
MAL19984688AR

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

15/8/2014